



17 SEP, 2026

UUE sasar projek infrastruktur grid tenaga skala besar

Berita Harian, Malaysia



UUE sasar projek infrastruktur grid tenaga skala besar

Penyedia penyelesaian kejuruteraan utiliti bawah tanah UUE Holdings Bhd (UUE) mengembangkan perniagaannya kepada segmen kejuruteraan pencawang elektrik voltan amat tinggi (EHV) dan voltan tinggi (HV) iaitu bidang yang mempunyai halangan kemasukan yang tinggi.

Langkah itu dilaksanakan menerusi usaha sama (JV) dengan penyedia penyelesaian infrastruktur elektrik berpangkalan di Singapura EGP Infrastructure Investments Pte Ltd (EGPII).

UUE dalam kenyataan memaklumkan anak syarikat milik penuhnya Kum Fatt Engineering Sdn Bhd (KFE) memeterai perjanjian dengan EGPII untuk menubuhkan syarikat usaha sama di Malaysia.

Di bawah perjanjian itu, KFE akan memegang kepentingan ekuiti sebanyak 40 peratus dalam syarikat JV berkenaan, manakala baki akan dipegang oleh EGPII.

"Syarikat JV itu akan menyediakan penyelesaian infrastruktur grid tenaga secara siap guna, dengan menggabungkan kepayaan EGPII dalam reka bentuk projek, aspek teknikal, bekalan dan pemasangan serta pengujian dan pentauliahan peralatan elektrik bagi julat voltan 132 kilovolt (kV) hingga 400kV di Singapura.

"Ini bersamaan dengan tahap voltan penghantaran 500kV di Malaysia, dengan kepakaran kejuruteraan utiliti bawah tanah tempatan, kepayaan pelaksanaan kerja sivil serta pengalaman penyelarasan kawal selia UUE," menurutnya.

Peralatan dan bahan elektrik itu merangkumi transformer kuasa, peralatan suis, kabel serta aksesori berkaitan.

Pengarah Urusan UUE, Datuk Dr Ting Kok Hwa, berkata kerjasama itu menandakan pencapaian transformatif bagi kumpulan itu dalam usaha meningkatkan kedudukannya dalam rantaian nilai ke arah infrastruktur penghantaran EHV dan HV sehingga 500kV, sekali gus melengkapkan kemampuan sedia adanya dalam rangkaian pengagihan kuasa bawah tanah.

Beliau berkata, melalui kepakaran EGP Energy Group yang mantap dalam integrasi sistem EHV, UUE berada pada kedudukan yang baik untuk melaksanakan projek infrastruktur grid kuasa berskala lebih besar.

"Grid tenaga Malaysia sedang melalui kitaran pemodenan yang intensif, disokong oleh permintaan elektrik yang semakin meningkat daripada pusat data, pengembangan sektor perindustrian serta pelaburan Tenaga Nasional Bhd di bawah Tempoh Kawal Selia 4," katanya. **BERNAMA**